



Skuad ragbi UPM meraikan kejayaan memenangi pingat emas Sukan Institusi Pendidikan Tinggi 2024.

(Foto Izzali Ismail/BH)

Skuad ragbi UPM unggul dalam kelas tersendiri

Kekal kejuaraan buat kali kelima berturut-turut tanpa bolos

Oleh Izzali Ismail
bhsukan@bh.com.my

Sintok: Skuad ragbi 7 sebelah (7s) Universiti Putra Malaysia (UPM) menepati ramalan apabila membawa pulang pingat emas Sukan Institusi Pendidikan Tinggi (SUKIPT 2024) yang ber-

SUKIPT 6
SUKAN INSTITUTI PENDIDIKAN TINGGI
Universiti Utara Malaysia 2024

langsung di padang ragbi Universiti Utara Malaysia (UUM) kelmarin.

UPM yang tampil selaku juara bertahan mudah membenam Universiti Teknologi Mara (UiTM) dengan keputusan 21-0 sekali gus mengekalkan kejuaraan buat kali kelima berturut-turut.

Lebih manis kejayaan merangkul emas ini dicapai tanpa bolos sejak acara itu berlangsung Jumaat lalu dengan menewaskan UniKL (32-0), IPG KL (29-0),

UTEK (34-0) dan Politeknik (24-0) dalam saingan Kumpulan F.

Aksi di separuh akhir pula menyaksikan UPM menewaskan Universiti Teknologi Petronas (UTP) 34-0, sebelum memuktmadkan kejuaraan 21-0 dengan menewaskan UiTM.

Tunjuk komitmen tinggi

Pengurus pasukan UPM Muhammad Zyuraidi Abdul Majid berkata, dia bersyukur kerana skuadnya yang ditarik pemain baharu tahun pertama dan kedua menunjukkan komitmen tinggi untuk mempertahankan kejuaraan sejak memulakan aksi dalam kumpulan F.

"Kejayaan ini adalah hasil daripada persiapan rapi sejak di Serdang lagi selain disiplin dan komitmen tinggi setiap pemain."

"Walaupun kami berjaya megekalkan rekod tanpa bolos, namun cabaran yang kami hadapi tidak mudah kerana lawan sentiasa memberi cabaran hebat," katanya.

Antara pemain UPM yang menyerlah pada aksi di SUKIPT 2024 ini ialah A'mmaar Mohd Zamri.

Sementara itu, pasukan ragbi 7s wanita Universiti Teknologi Mara (UiTM) muncul juara selepas menewaskan Politeknik Malaysia 19-5.